



PANDUAN KEPADA AHLI

KELAYAKAN PELABURAN DI BAWAH PENGELUARAN PELABURAN AHLI

1.0 PENGENALAN

Mulai 1 November 2007, KWSP telah melaksanakan beberapa pembaharuan dalam SKIM KWSP secara berperingkat di bawah inisiatif strategik 'Bukan Hanya Simpanan' seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta KWSP 1991 (pindaan 2007). Ini termasuklah inisiatif untuk memperkenalkan Simpanan Asas bagi menentukan amaun yang layak dilaburkan oleh ahli daripada Akaun 1 di bawah Pengeluaran Pelaburan Ahli (PPA)

2.0 DEFINISI SIMPANAN ASAS

Simpanan Asas ialah satu jumlah simpanan dalam Akaun 1 yang ditetapkan mengikut umur bagi membolehkan ahli memperoleh simpanan sekurang-kurangnya RM120,000 pada umur 55 tahun. Ahli boleh melaburkan simpanan dalam Akaun 1 yang melebihi simpanan asas dalam produk dan menerusi insititusi pelaburan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

3.0 SYARAT-SYARAT YANG DITETAPKAN

- 3.1 Mulai 1 Februari 2008, ahli boleh melaburkan simpanan di bawah PPA tidak melebihi 20% daripada jumlah simpanan yang melebihi Simpanan Asas dalam Akaun 1.
- 3.2 Pelaburan ini boleh dibuat setiap 3 bulan sekali dan jumlah minimum pelaburan ialah RM1,000.00.
- 3.3 Jumlah Simpanan Asas dan contoh pengiraan adalah seperti di LAMPIRAN.
- 3.4 Syarat-syarat am prosedur di bawah Pengeluaran Pelaburan Ahli yang lain masih kekal dan tidak berubah.

4.0 PERTANYAAN

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web KWSP www.kwsp.gov.my atau menghubungi Pusat Panggilan Telefon KWSP di talian 03 8732 6000 atau Emel enquiry@epf.gov.my

LAMPIRAN

JUMLAH SIMPANAN ASAS DALAM AKAUN 1

UMUR (TAHUN)	SIMPANAN ASAS (RM)	UMUR (TAHUN)	SIMPANAN ASAS (RM)
18	1,000	37	34,000
19	2,000	38	37,000
20	3,000	39	41,000
21	4,000	40	44,000
22	5,000	41	48,000
23	7,000	42	51,000
24	8,000	43	55,000
25	9,000	44	59,000
26	11,000	45	64,000
27	12,000	46	68,000
28	14,000	47	73,000
29	16,000	48	78,000
30	18,000	49	84,000
31	20,000	50	90,000
32	22,000	51	96,000
33	24,000	52	102,000
34	26,000	53	109,000
35	29,000	54	116,000
36	32,000	55	120,000

CONTOH PENGIRAAN KELAYAKAN

AHLI	UMUR	SIMPANAN DI AKAUN 1 (RM)	SIMPANAN ASAS (RM)	PENGIRAAN : SIMPANAN AKAUN 1 - SIMPANAN ASAS X 20%	KELAYAKAN AHLI
A	22	4,000	5,000	-	AHLI TIDAK LAYAK MEMOHON. SIMPANAN DI AKAUN 1 KURANG DARIPADA SIMPANAN ASAS
B	22	8,000	5,000	$(8,000 - 5,000) \times 20\% = \text{RM}600$	AHLI TIDAK LAYAK MEMOHON. AMAUN KELAYAKAN MINIMUM KURANG RM1,000
C	25	20,000	9,000	$(20,000 - 9,000) \times 20\% = \text{RM}2,200$	AHLI LAYAK MEMOHON. AMAUN KELAYAKAN MINIMUM RM1,000 DAN MAKSIMUM RM2,200
D	40	40,000	44,000	-	AHLI TIDAK LAYAK MEMOHON. SIMPANAN DI AKAUN 1 KURANG DARIPADA SIMPANAN ASAS
E	45	100,000	64,000	$(100,000 - 64,000) \times 20\% = \text{RM}7,200$	AHLI LAYAK MEMOHON. AMAUN KELAYAKAN MINIMUM RM1,000 DAN MAKSIMUM RM7,200